



**LEMBAGA JURUKUR TANAH**  
(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 6 JLD.8 / (63)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7 WISMA LJT  
LORONG PERAK  
PUSAT BANDAR MELAWATI  
53100 KUALA LUMPUR  
No. Telefon: 03-41085191  
No. Faksimili: 03-41085178  
e-mail: secretary@ljt.org.my  
laman web: www.ljt.org.my

07 Januari 2011

**Semua Juruukur Tanah Berlesen**

Y. Bhg. Dato' / Datuk / Tuan / Puan,

**PENJELASAN MENGENAI PENGGUNAAN JADUAL UPAH UKUR UNTUK KERJA  
UKURAN HAKMILIK**  
**- Jadual Ketigabelas (Peraturan 99, Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 1959).**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa terdapat sedikit kekeliruan berhubung dengan penggunaan Table III bagi ukuran tanah untuk tujuan pertanian yang melibatkan keluasan tanah yang diukur kurang daripada 5 hektar. Ini telah menyebabkan ramai Juruukur Tanah Berlesen mengemukakan bayaran deposit yang tidak mencukupi dan terpaksa ditolak.

Sukacita dijelaskan bahawa penggunaan Table III 2.1(d) dan 2.1(e) adalah seperti berikut :-

**Table III 2.1(d)** - digunakan untuk kerja-kerja pengukuran bagi *Ukuran Pecah Bahagi atau Pemberimilikan Baru (New Alienation)* sahaja yang mana *keluasan asal tanah yang hendak dibahagikan adalah kurang daripada 5 hektar*.

**Table III 2.1(e)** - digunakan untuk kerja-kerja pengukuran *selain daripada tujuan di atas* (seperti *Pecahan Sempadan, pengambilan balik dan sebagainya*).

- juga digunakan untuk kerja-kerja pengukuran *Pecah Bahagi atau Pemberimilikan Baru* di mana *keluasan asal tanah adalah melebihi 5 hektar*.


3. Sehubungan dengan itu, diharap pihak juruukur akan mematuhi sepenuhnya peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketigabelas bagi kelancaran penggunaan Sistem eLJT.

4. Untuk makluman Y. Bhg. Dato' / Datuk / Tuan / Puan juga, penggunaan perisian borang-borang LJT termasuk borang-borang manual adalah diberhentikan.

Sekian, harap maklum.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,

  
(Sr ABU HAMID BIN SELAMAT)  
Setiausaha  
Lembaga Jurukur Tanah

s.k Fail Timbul